



Noor Syuhadah bersama ibu dan ayah, Sadiah Basir dan Sudiro Binswani pada Majlis Istiadat Konvokesyen USIM.

[FOTO HAZREEN MOHAMAD/BH]

## Pernah dipulau rakan cemburu Anugerah Dekan

**Bandar Baru Nilai:** Dipulau segelintir rakan adalah antara cabaran perlu dihadapi oleh penerima Anugerah Pelajaran Diraja dalam majlis konvokesyen Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), semalam.

Noor Syuhadah Sudiro, 23, yang menerima Anugerah Dekan mulai semester pertama hingga akhir pengajian berkata, selepas beberapa semester menerima anugerah itu, segelintir rakan cemburu akan pencapaiannya.

"Walaupun tetap mempunyai rakan, lebih ramai rakan saya adalah dalam kalangan pensyarah dan kakitangan universiti.

"Bagaimana, saya bersyukur kerana dengan keyakinan bahawa Allah menetapkan yang terbaik buat hambaNya, pada akhir pengajian, ramai rakan mengucapkan tahniah terhadap kejayaan yang dicapai," katanya.

### Aktif kokurikulum

Berasal dari Jenjarom, Selangor, dia menerima Ijazah Sarjana Muda Komunikasi dengan kepujian, turut aktif dalam kokurikulum termasuk menganggotai Majlis Perwakilan Pelajar dan menjadi pengacara dalam pelbagai program universiti.

Semalam, seramai 1,689 graduan menerima ijazah sarjana muda, sarjana dan doktor falsafah pada majlis konvokesyen ke-12 itu.

Istiadat pembukaan disempurnakan Canselor USIM, Tunku Ampuan Besar Negeri Sembilan, Tuanku Aishah Rohani Tengku Besar Mahmud.

Pada majlis ini, Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan Permodalan Nasional Bhd (PNB), Tan Sri Hamad Kama Piah Che Othman, menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Ekonomi dan Pentadbiran Muamalat.

Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Dr Abdullah Md Zin, pula menerima Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Dakwah dan Pengurusan Islam.

Seorang lagi penerima Anugerah Pelajaran Diraja, Mohamad Iqmal Hisham Kamaruddin, 23, graduan Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dengan kepujian, mengakui bukan ulat buku, tetapi memberi tumpuan sepenuhnya ketika kuliah atau kelas tutorial.

"Saya akan pastikan apa yang tidak difahami, diselesaikan dalam kuliah atau tutorial. Menjelang peperiksaan, saya hanya mengulang kaji sedikit dan tidak berjaga hingga lewat malam," katanya.